



Berita Sawit

MPOB Menjauhi Perubahan Industri Sawit



Datuk Amar Douglas rasmi seminar perdagangan di China

» POTS China 2014 sebar maklumat industri minyak sawit Malaysia

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Shanghai

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas merasmikan “Malaysia-China Palm Oil Trade Fair & Seminar 2014” (POTS China) di Shanghai.

POTS China yang diadakan pada 15 September 2014 dianjurkan bersama oleh MPOB dan MPOC.

Penganjuran POTS China 2014 yang dihadiri lebih 300 peserta bertujuan menyebarkan maklumat mengenai perkembangan industri minyak sawit Malaysia kepada ahli-ahli industri di negara China.

Penganjuran POTS China telah memberi peluang kepada peserta bertukar pandangan dan meneroka prospek perniagaan berkaitan penggunaan minyak sawit dalam makanan di pasaran China. Pameran perdagangan dan sesi jalinan perniagaan juga turut diadakan serentak.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas **semasa merasmikan POTS China.**

Datuk Amar Douglas dalam ucapannya menyatakan bahawa China adalah rakan perdagangan minyak sawit Malaysia terbesar. Eksport produk sawit Malaysia ke China mencatatkan USD 3.6 billion (RM11.2 billion) pada tahun 2013. Nilai eksport ke China menyumbang 20.4% eksport produk sawit Malaysia ke pasaran dunia.

Faedah berganda

“Perdagangan minyak sawit bukan sahaja memanfaatkan Malaysia,

malah mendatangkan faedah yang berganda kepada sektor lain di negara China, termasuk pengendalian logistik, pengurusan bank, dan sebagainya,” kata Datuk Amar Douglas.

Pengerusi MPOB, Dato’ Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dalam ucapannya turut menyatakan bahawa pembaharuan produk dan inovasi merupakan kunci ke arah kelestarian minyak sawit di pasaran dunia.

Menurutnya, MPOB telah men-

jalankan aktiviti penyelidikan dengan aktif bagi mengembangkan aplikasi minyak sawit dalam pelbagai sektor. Minyak sawit akan terus memainkan peranan utama dalam perdagangan lemak dan minyak dunia.

Dalam hal ini, MPOB akan meneruskan usaha-usaha bagi memenuhi keperluan konsumen dan pasaran dunia,” katanya.

Sepuluh kertas kerja dibentangkan semasa seminar ini yang merangkumi pelbagai aspek minyak

sawit Malaysia.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Malaysian Palm Oil As A Premium and Quality Oil in China”.

Datuk Dr. Choo turut meyakinkan peserta seminar dengan hasil pelbagai penyelidikan bagi aplikasi minyak sawit di sektor makanan di China yang telah dijalankan oleh MPOB serta penyelidikan pemakanan minyak sawit di seluruh dunia.

Pembangunan modal insan penting untuk perladangan sawit

Oleh Ahmad Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Keratong : Pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja mahir di kalangan belia tempatan amat penting dalam sektor perladangan sawit untuk memastikan sektor ini terus berdaya saing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata langkah itu juga akan dapat memastikan sektor perladangan sawit dapat terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara di samping mengurangkan kebergan-

tungan kepada pekerja asing.

“Berdasarkan keluasan ladang sawit seluruh Malaysia, guna tenaga diperlukan berdasarkan nisbah 1 pekerja kepada 8 hektar ladang sawit ialah 666,075 orang.

“Saya difahamkan, sehingga Jun 2014 sektor ladang sawit memaklumkan kekurangan guna tenaga seramai 30,865 orang. Pada masa yang sama, seramai 345,463 orang atau 78.13 peratus daripada 442,175 orang tenaga kerja yang terlibat dalam sektor perladangan sawit adalah pekerja asing.

“Sehubungan ini, pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja mahir di kalangan belia tempatan amat penting bagi

sektor perladangan sawit,” katanya ketika melancarkan Majlis Penganugerahan Sijil Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di sini, baru-baru ini.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah Kasnon.

Bagi tahun 2014, IMPAC merancang akan menganjurkan 198 kursus membabitkan 7,034 peserta. Dari Januari hingga Jun 2014, sejumlah 123 kursus melibatkan 5,543 peserta dilaksanakan. Sejak 2011 hingga Jun 2014, IMPAC telah melatih 22,643 peserta melalui 542 kursus.



Dato’ Noriah Kasnon menyampaikan sijil kepada peserta terbaik Kursus Operasi Mekanisasi Ladang. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato’ Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din (kanan).

Industri sawit kini menghadapi cabaran kejatuhan harga minyak sawit. Minyak sawit adalah minyak yang penting dalam sektor minyak dan lemak dunia kerana jumlah kuantiti yang terbesar dari segi pengeluaran, penggunaan, import dan eksport. Walaupun penggunaannya yang tinggi, ia telah mencatat tahap stok tertinggi baru-baru ini menyebabkan penurunan harga sawit di pasaran dunia berbanding dengan harga minyak dan lemak lain. Malaysia merupakan negara pengeluar dan pengekspor minyak sawit kedua terbesar di dunia. Pengeluarannya telah meningkat kepada 19.22 juta tan (2013) dari 18.79 juta tan (2012). Pengeluaran pada bulan Ogos 2014 sebanyak 2.03 juta tan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 21.98 peratus dari bulan sebelumnya atau 17.08 peratus berbanding bulan Ogos pada tahun 2013. Sebanyak 12.76 juta tan telah dikeluarkan oleh Malaysia sepanjang tahun 2014 dari Januari hingga Ogos. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 8.13 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Pengeluaran pada tahun 2014 adalah dijangkakan sebanyak 19.55 juta tan.

Stok minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos telah mencatatkan tahap tertinggi bagi tahun ini, mencecah 2.05 juta tan. Ini merupakan satu peningkatan yang mendadak iaitu sebanyak 21.92 peratus dari bulan Julai 2014 atau 23.13 peratus dari bulan yang sama tahun 2013. Peningkatan tahap stok yang tinggi ini adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran yang signifikan dan eksport yang tidak mencatat prestasi yang baik pada bulan Ogos berbanding bulan Julai. Eksport pada bulan Ogos dan bulan Julai adalah serupa iaitu sebanyak 1.44 juta tan.

Dengan prestasi pengeluaran dan stok yang tinggi dan kuantiti eksport yang kurang harga sawit turut terjejas. Sebelum ini, purata harga minyak sawit menurun dari RM2,764 satu tan pada tahun 2012 ke RM2,371 satu tan pada tahun 2013. Ia terus menurun bulan ke bulan dari awal tahun 2014, iaitu RM2,528.50 satu tan pada bulan Januari ke RM 2,173.50 satu tan untuk bulan Ogos. Antara faktor-faktor penurunan harga minyak sawit adalah: 1) Kebimbangan pasaran terhadap peningkatan bekalan minyak sawit berikutan musim pengeluaran yang meningkat; 2) Sejajar dengan penurunan harga pasaran minyak sayuran dunia, khususnya harga minyak kacang soya yang telah jatuh ke paras AS\$869 satu tan dan juga harga minyak sesawi (rapeseed) yang jatuh ke paras AS\$846 satu tan (13 Ogos 2014); 3) Kebimbangan terhadap penawaran 'oilseeds' yang tinggi, terutamanya biji kacang soya; 4) Jangkaan kejadian 'El-Nino' yang tidak menjadi; dan 5) Stok tinggi minyak sesawi di China.

Kerajaan Malaysia prihatin dengan penurunan harga minyak sawit dan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan akan diambil untuk menanganinya. Antara langkah-langkah termasuk: 1) Pengumuman kemudahan bebas cukai eksport minyak sawit mentah (CPO) bagi September dan Oktober 2014; 2) Pelaksanaan Program B5 (adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum); dan 3) Mengawal Program B7. Langkah-langkah lain yang merangkumi: 1) Penanaman Semula Pokok Sawit; 2) Meningkatkan Rundingan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas (FTAs); 3) Memperkukuh dan menembusi pasaran baharu; 4) Kerjasama dengan negara pengeluar minyak sawit lain ke arah mengukuhkan harga; 5) Mempertingkatkan produk ditambah nilai tinggi untuk eksport; dan 6) Mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, bagi memperluaskan penggunaan minyak sawit.

Seperti komoditi yang lain, minyak sawit tidak lepas daripada fenomena naik-turun harga mengikut bekalan dan permintaan dunia. Bagaimanapun, dengan usaha-usaha ini adalah diharapkan kesannya dapat dimitigasikan.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May

Ketua Pengarah
MPOB

Misi ke China berjaya kukuh pasaran sawit

» Strategi galak penggunaan produk komoditi di rantau barat negara China

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

► Shanghai

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah mengetuai satu misi promosi sawit, getah dan kayu-kayan ke Republik Rakyat China pada 12 hingga 18 September 2014. Objektif misi ini adalah untuk menggalakkan penggunaan produk berasaskan sawit, getah dan kayu-kayan di negara China.

Ketika misi di China, Datuk Amar Douglas Uggah Embas telah merasmikan hab sawit dan getah SINO-ASEAN di Suining, Wilayah Sichuan sebagai satu daripada strategi bagi membuka pasaran komoditi Malaysia di rantau barat negara China.

Strategi ini selaras dengan polisi Kerajaan China untuk membangunkan rantau barat negara tersebut yang akan memberi impak positif kepada industri sawit Malaysia untuk jangka masa panjang.

MPOB turut bekerjasama dengan industri dalam usaha mempromosikan pengkomersialan produk sawit berasaskan sawit di rantau barat China.

China Western Development Programme adalah polisi kebangsaan China bagi membangunkan rantau barat negara tersebut yang meliputi enam Wilayah (Gansu, Guizhou,



Perbincangan dua hala antara Datuk Amar Douglas dan Setiausaha CPC Suining, Yang Hongbo.

Qinghai, Shaanxi, Sichuan and Yunnan), lima Wilayah berautonomi (Guangxi, Inner Mongolia, Ningxia, Tibet and Xinjiang) dan satu Bandar Persekutuan (Chongqing).

Import 3.7 juta tan minyak sawit

China telah mengimport 3.7 juta tan minyak sawit dari Malaysia. Bagaimanapun, kebanyakan minyak sawit diguna di rantau timur. Wilayah Sichuan yang berpenduduk 81.7 juta mempunyai potensi besar bagi pasaran minyak sawit.

Selain itu, Datuk Amar Douglas turut mengadakan lawatan ke Shanghai Entry-Exit Inspection and Quarantine Bureau (Shanghai CIQ). Perbincangan tersebut bertujuan memastikan kelancaran minyak sawit Malaysia yang dieksport ke negara China melalui pelabuhan Shanghai.

Pelabuhan Shanghai merupakan pelabuhan import minyak sawit yang kelima terbesar di negara China. Mulai 1 Januari 2013, pihak

penguatkuasa China telah melaksanakan penguatkuasaan ketat terhadap penghantaran minyak sawit ke negara tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga kini, kesemua minyak sawit Malaysia yang dieksport ke China dapat memenuhi peraturan Kerajaan China dan tiada penghantaran yang ditolak oleh pihak berkenaan.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan dan Komoditi (MPIC), Datuk M Nagarajan; Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia (LGM), Datuk Dr Salmiah Ahmad.

Misi promosi itu bukan sahaja telah berjaya menggalakkan penggunaan minyak sawit di negara China, malah ia juga telah mengukuhkan hubungan erat antara Malaysia dan China.

Peluang belia jadi tenaga kerja terlatih

◉ Dari muka 1

Beliau juga berkata inisiatif oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong, Pahang dalam Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) memberi peluang kepada golongan belia untuk menjadi tenaga kerja terlatih di ladang.

"Dengan pembabitan PLASMA sebagai 'Centre of Excellence' dalam menyediakan latihan kemahiran kepada pihak terbabit di sektor perladangan sawit, saya percaya tahap penggunaan jentera ladang ditingkatkan dan seterusnya mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing," katanya.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas juga berkata, usaha Kementerian dan MPOB melahirkan graduan berkemahiran dalam sektor perladangan sawit memerlukan sokongan daripada syarikat perladangan untuk menawarkan peluang pekerjaan.

"Saya menaruh keyakinan syarikat perladangan sawit akan memanfaatkan tenaga kerja mahir dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MPOB Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, berkata penggunaan mekanisasi di sektor perladangan dari peringkat penyediaan tapak atau tanah hingga penuaian buah tandan segar membantu meningkatkan produktiviti kerja dan mengurangkan penggunaan te-

naga kerja.

"Pendedahan dan kemahiran berkaitan operasi dan penggunaan jentera perladangan akan memastikan kecekapan operasi dan aktiviti di ladang sawit," katanya.

PLASMA menawarkan Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) dan program latihan kemahiran dalam bidang teknologi jentera perladangan, pengendalian dan penyelenggaraan jentera serta peralatan pertanian untuk peningkatan produktiviti ladang sawit.

Bagi Sesi September 2014, KOML mengambil 200 pelatih dari seluruh negara untuk mengikuti latihan ditawarkan oleh MPOB. Kursus yang dijalankan mengikut Standard Nasional Kemahiran Pekerjaan (NOSS) dalam bidang mekanisasi ladang.

Minyak sawit potensi tinggi bidang pemakanan

» *Pasaran sedia ada diperkukuh, penerokaan bidang baru diteruskan*

Oleh Ahmad Fadzil Ghazali
afadzil@mpob.gov.my

Kuala Lumpur

Pasaran baru dan negara membangun berpotensi besar untuk industri minyak sawit terutama dalam bidang aplikasi pemakanan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata, pasaran baharu dan negara membangun ini termasuk yang berada di Asia, benua Afrika dan di Eropah Timur serta Tengah.

“Malaysia akan terus mengambil langkah untuk memperkukuhkan kedudukan minyak sawit di pasaran sedia ada di samping menerokai yang baru,” kata beliau di dalam ucapannya di Program Suaikenal Minyak Sawit ke 34 di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Menteri Pe-

rusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, pejabat serantau MPOB di Amerika Syarikat, Eropah, Afrika, Pakistan dan China akan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan serta pihak industri dalam usaha meningkatkan pengambilan minyak sawit untuk sektor pemakanan dan bukan pemakanan.

Beliau berkata, MPOB akan menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Teknikal MPOB (PORTSIM) yang kedua di India pada tahun hadapan. PORTSIM pertama terletak di Shanghai, China.

“Saya yakin PORTSIM di India akan berjaya melaksanakan objektif penubuhannya, iaitu mempromosikan minyak sawit dari segi teknikal di negara itu,” katanya.

Minyak sawit memenuhi satu pertiga keperluan minyak masak sayuran global. Malaysia menyumbang lebih 10 peratus atau 18.78 juta tan daripada jumlah pengeluaran lemak dan minyak masak dunia sebanyak 189.7 juta tan pada tahun 2013.

Dari segi eksport pula, minyak sawit Malaysia mencatatkan sumbangan 24 peratus dalam eksport lemak dan minyak, manakala dangan minyak sawit global mencatatkan 41.1 peratus. Kesemua ini dilaksanakan dengan kelua-

san ladang 5 juta hektar atau kurang daripada dua peratus jumlah keluasan tanaman minyak masak global pada 265 juta hektar dalam tahun 2013.

Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, walaupun minyak sawit memberi sumbangan yang besar kepada dunia, ianya berhadapan dengan pelbagai cabaran di dalam pasaran.

“Salah satu cabaran terbesar adalah penerampilan imej negatif terhadap minyak sawit yang digambarkan sebagai membahayakan kesihatan oleh kempen antiminyak sawit. Kita adalah mangsa kejayaan sendiri dan terpaksa sentiasa berhadapan kempen antiminyak sawit,” katanya.

Badan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan tempatan di beberapa negara yang mengancam minyak sawit adalah Perancis, Belgium, Switzerland dan Australia.

“Malaysia percaya langkah utama dalam membantu industri kita menangani cabaran dan rintangan ini adalah melalui data dan maklumat tepat dihasilkan melalui kajian saintifik,” katanya

Kajian bukti kehebatan minyak sawit

“Saya bangga untuk memberitahu bahawa kajian yang dilaksanakan telah membuktikan bahawa minyak sawit adalah sebenar-benarnya minyak yang



Dato' Noriah Kasnon ketika memukul gong merasmikan Program Suaikenal Minyak Sawit sambil diperhati Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr Choo Yuen May.

hebat,” katanya.

Satu lagi cabaran di mana industri minyak sawit perlu tangani adalah isu imej dari perspektif alam sekitar dan kemampunan.

“Kita telah menyaksikan inisiatif oleh pembeli minyak sawit yang enggan mengambil minyak sawit dihasilkan di kawasan hutan yang ditebang. Saya ingin menjelaskan bahawa industri balak negara ini sangat terkawal dan Pengurusan Hutan Mampan digalakkan melalui pensijilan.

“Pembalakan tidak dibenarkan di hutan simpan utama di negara ini. Tambahan pula Malaysia mendokong komitmennya di bawah Deklarasi Rio untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan litupan hutan di

negara ini. Buat masa ini, kawasan litupan hutan Malaysia pada tahap 61 peratus,” kata Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Sementara itu, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Ahmad Khair-il Anuar Wan Ahmad, berkata Program Suaikenal Minyak Sawit dirangka khas untuk memberi peserta maklumat mengenai industri termasuk sektor dan aktiviti yang berkaitan.

Rangkaian strategik

“Interaksi antara pegawai MPOB dan pakar industri akan membantu peserta memahami maklumat teknikal disamping mewujudkan rangkaian strategik bersama pelopor industri minyak sawit Malaysia,” katanya.

Pengerusi MPOB lawat PORTSIM

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Shanghai: Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad mengadakan lawatan kerja ke Palm Oil Research and Technical Services Institute of MPOB (PORTSIM) di Shanghai sempena penganjuran POTS China.

Semasa lawatan itu, Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar membincangkan strategi MPOB bagi mengukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia di China.

Antaranya termasuk penggantian minyak kacang soya dengan minyak sawit dalam produk makanan tempatan, penggunaan minyak sawit dalam industri makanan haiwan dan sebagai pengganti lemak tepu (trans) dalam makanan di negara berkenaan.

China adalah pasaran utama minyak sawit Malaysia dan bagi mengekalkan kesetiaan pengguna minyak sawit Malaysia di negara tersebut, Kerajaan melalui MPOB telah menubuhkan



Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, membincangkan strategi mengukuhkan pasaran minyak sawit di negara China. Turut serta Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kiri).

PORTSIM pada tahun 2005.

PORTSIM berperanan menjalankan penyelidikan minyak sawit yang dikhususkan untuk mencari formula terbaik bagi memenuhi keperluan dan citarasa para pengguna di China.

Usaha-usaha penyelidikan dan interaksi berterusan bersama pihak berkuasa China dan pemain industri dari negara berkenaan bukan sahaja mampu menjadi

pemangkin bagi menggalakkan lagi penggunaan minyak sawit malah turut membantu bagi mengekalkan kedudukan minyak sawit Malaysia di pasaran China.

Turut serta dalam lawatan berkenaan ialah Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, dan Pengarah Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian.



National Seminar on
Palm Oil Milling, Refining,
Environment and Quality

POMREQ 2014

**3-4 NOVEMBER 2014
PULLMAN KUCHING,
SARAWAK**

Officiated by:
YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
Minister of Plantation Industries and Commodities

AREAS OF FOCUS

- Palm oil milling technologies
- Green and zero waste technologies
- Refining technologies and quality
- Biogas capturing and utilisation
- Palm oil mill effluent treatment
- Renewable energy
- Sustainability and environment
- Biomass utilisation

For enquiries, contact:
Ruba'ah Masri/Solehah Abdul Bab
Tel : 03-8769 4567/03-8769 4867
Fax : 03-8922 1743/03-8925 7549
E-mail : rubaah@mpob.gov.my / solehah@mpob.gov.my

REGISTRATION FEE RM1,300
Students are entitled to a 50% discount on the seminar fees.

For further information please visit: www.mpob.gov.my

Timbalan Menteri lawat Tiara Kesturi

» Kilang moden proses makanan ternakan daripada pelepah sawit

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

► Keratong

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon mengadakan lawatan kerja ke Tiara Kesturi Sdn Bhd (Tiara Kesturi) bagi melihat operasi pemrosesan makanan berteknologi tinggi yang dihasilkan daripada pelepah sawit.

Tiara Kesturi yang beroperasi di Bandar Tun Razak menjalin kerjasama rapat dengan MPOB sejak tahun 2011 berkaitan formulasi teknologi makanan ternakan hasil penyelidikan MPOB yang dikomersialkan oleh syarikat terbabit dan pengeluaran produk dihasilkan oleh kilang yang terletak di Keratong, Pahang.



Dato' Noriah Kasnon mendengar taklimat mengenai operasi kilang menghasilkan makanan ternakan berasaskan sawit. Turut sama, Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Dr. Ahmad Kushairi Din (dua dari kanan)

Ikuti taklimat ringkas

Lawatan singkat ke kilang Tiara Kesturi itu dilakukan selepas menyempurnakan Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) di sini, baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, beliau sem-

pat mengikuti taklimat berkaitan operasi pemrosesan makanan ternakan dan merakamkan ucapan tahniah kepada pengusaha kilang terbabit, Mat Yusof atas pencapaian membangunkan produk makanan ternakan dari sumber sawit.

Turut serta Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Kilang yang disewa dari MPOB

sejak tahun 2012 ini dilengkapi dengan mesin pemrosesan makanan ternakan berteknologi tinggi dari Jerman serta gudang untuk penyimpanan bahan mentah serta produk makanan ternakan.

Kilang berteknologi tinggi

Selain itu, kilang ini turut berperanan dalam menyediakan infrastruktur penyelidikan dan komersial yang lengkap untuk menghasilkan pelbagai jenis makanan ternakan seperti kambing, lembu, ayam, burung dan lain-lain menggunakan teknologi 'Pelletizer' dan 'Screw Extruder'.

Makanan ternakan yang dikomersialkan oleh kilang ini menggunakan produk sampingan dari sumber sawit, MPOB-HIE sebagai bahan asas dalam pembuatan makanan ternakan seperti ayam pedaging, kambing lembu dan makanan ikan.

MPOB-HIE dijadikan sebagai sumber alternatif yang menggantikan penggunaan minyak sawit serta sebahagian jagung dan dedak soya yang lazimnya terdapat dalam makanan ternakan di pasaran sekaligus membantu dalam penjimatan kos dan bahan mentah.

MPOB juara KIK peringkat MPIC

Oleh Dr Maria Madon
maria@mpob.gov.my

Putrajaya: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya menjuarai pertandingan Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) bagi Kategori Pengurusan di Konvensyen KIK Peringkat Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi di sini, baru-baru ini.

Kumpulan KIK MPOB 'SitogenLab' dari Pusat Bioteknologi dan Biakbaka MPOB berjaya menjuarai pertandingan berkenaan dengan projek bertajuk 'Permintaan Perkhidmatan Sitogenetik Tidak Dapat Dipenuhi'.

Kumpulan berkenaan terdiri daripada kakitangan yang terlibat dalam menjalankan kajian Sitogenetik sawit.

Sitogenetik merujuk kepada kajian kromosom yang terkandung di dalamnya kod-kod perwarisan baka, ciri dan sifat sesuatu organisma.

Kumpulan berkenaan yang diketuai oleh Mohd Razik Midin dibimbing oleh Dr Maria Madon selaku fasilitator. Ahli lain yang menganggotai kumpulan itu ialah Noorhariza Mohd Zaki, Nordiana Hanim Mohd Nor, Zainab Anip dan Razali Mohd Nor.

Menggunakan kaedah PDCA dan penggunaan alat kawalan kualiti masalah "Permintaan



Dr Maria Madon menerima hadiah kejuaraan pertandingan KIK daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Himmat Singh.

perkhidmatan Sitogenetik tidak dapat dipenuhi" telah dipilih untuk diselesaikan selaras dengan misi Bahagian Pusat Kemajuan Bioteknologi & Biakbaka dan MPOB iaitu memacu kemakmuran industri minyak sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang.

Beri kesan negatif

Isu ini dianggap masalah kerana ianya memberi kesan negatif kepada jabatan kerana berkemungkinan sasaran pemindahan teknologi dan perkhidmatan MPOB kepada pelanggan tidak tercapai.

Selain itu, data penyelidikan sitogenetik tidak dapat dimaksimumkan dan akhir sekali bi-

langan penyelidik yang mahir dalam bidang sitogenetik tidak dapat ditingkatkan.

Cadangan penyelesaian yang dilakukan untuk mengatasi keangan ini ialah dengan membangunkan cakera padat berkaitan protokol tunjuk ajar, manual kaedah penyelidikan, bengkel dan latihan jangka pendek.

Hasilnya projek ini dapat meningkatkan bilangan permintaan perkhidmatan yang dapat dipenuhi, mengurangkan kadar kesilapan semasa menjalankan kajian, menjimatkan kos latihan berbanding jika dilakukan di luar negara dan meningkatkan kepuasan hati dan produktiviti pelanggan disamping menjimatkan kos dan masa.

FIRST ANNOUNCEMENT
SEMINAR ON
OIL PALM MECHANISATION
PalmMech 2014

FUELLING INNOVATIONS, BOOSTING PRODUCTIVITY

24 - 26 November 2014 | MPOB Head Office
Bandar Baru Bangi, Selangor

Organised by
MALAYSIAN PALM OIL BOARD
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia
www.mpob.gov.my

Perbincangan isu dagangan sawit ke China berhasil

» MPOB, AQSIQ dan ahli industri kongsi idea, tangani cabaran industri sawit

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Bangi

Program interaksi antara MPOB, General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine of People's Republic of China (AQSIQ) dan ahli-ahli industri sawit Malaysia diadakan di Ibu Pejabat MPOB.

Program diadakan sempena lawatan teknikal pegawai kanan AQSIQ ke Malaysia bagi membincangkan pelbagai isu mengenai eksport minyak sawit ke China.

Program interaksi yang dipengerusikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dihadiri 30 peserta termasuk pegawai kanan AQSIQ dan wakil daripada Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM), Persatuan Pembuat Minyak Makan Malaysia (MEOMA) dan pengeksport utama minyak sawit Malaysia ke negara China.

Delegasi AQSIQ diketuai oleh Ketua Pengarah Guang-



Sesi interaksi di antara MPOB, AQSIQ China dan wakil industri sawit Malaysia.

dong Entry-Exit Inspection and Quarantine Bureau (Guangdong CIQ), Zhan Siming, disertai Pengarah 'Vegetable-based Products Division' AQSIQ, Dr. Tang Deliang; Pengarah Guangdong CIQ, Cai Chun; Pengarah Jiangsu CIQ, Sun Guofang, dan Pengarah Tianjin CIQ, Wang Yue.

Dalam sesi interaksi yang diadakan, peserta bertukar pandangan berkaitan isu dan cabaran industri minyak sawit di China.

Datuk Dr Choo dalam ucapannya menyatakan bahawa jalinan kerjasama yang diwujudkan di antara Malaysia dan

China telah berjaya dalam usaha bagi menyelesaikan isu-isu dagangan sawit.

Terus jalin kerjasama

"MPOB akan terus bekerjasama dengan AQSIQ bagi melindungi kepentingan industri minyak sawit Malaysia di negara China," katanya.

Menurut Zhan Siming, tujuan utama lawatan teknikal pegawai kanan AQSIQ ke Malaysia adalah untuk mengkaji sistem kawalan mutu yang dijalankan oleh MPOB ke atas eksport minyak sawit ke negara China serta mewujudkan

mekanisme bagi memudahkan prosedur pemeriksaan kualiti ke atas minyak sawit yang diimport dari Malaysia.

Negara China adalah pengimport minyak sawit Malaysia yang terbesar. Pada tahun 2013, eksport produk sawit Malaysia ke negara China mencatatkan 4.8 juta tan atau RM 11.22 billion.

Wilayah Guangdong adalah destinasi import minyak sawit yang terbesar di negara China. Import minyak sawit melalui pelabuhan di Wilayah Guangdong mencecah 1.86 juta tan pada tahun 2013.

Industri mampan, jamin keselamatan produk makanan

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Bangi: MPOB menerima kunjungan 27 delegasi French Oil Seed yang berada di Malaysia bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan industri sawit Malaysia.

Dalam taklimat kepada delegasi berkenaan yang diketuai oleh Presiden VIVESCIA, Pascal Prof, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May menyatakan lawatan ini penting untuk meningkatkan hubungan antara MPOB dengan pengguna minyak sawit di Perancis dan bertukar pandangan mengenai perkembangan industri sawit negara.

Sektor penyumbang ekonomi

"Pertemuan ini memberi peluang kepada MPOB untuk menerangkan aspek kemam-

panan industri sawit Malaysia dan penemuan hasil penyelidikan khususnya kebaikan dan keistimewaan minyak sawit dalam kegunaan makanan," kata Datuk Dr Choo.

Beliau berkata, industri sawit adalah antara sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan menjaga pendapatan eksport serta kemajuan sosio ekonomi luar bandar.

Katanya, industri sawit negara berdepan cabaran di peringkat antarabangsa termasuk tuntutan amalan pengeluaran secara mampan, jaminan keselamatan produk makanan dan isu kesihatan.

Dengan perkembangan global yang semakin memberi tumpuan kepada minyak sawit yang dihasilkan secara mampan, Malaysia menjamin industri sawit Malaysia diurus secara mampan dan dikawal selia oleh peraturan yang ketat berkaitan pembangunan tanah dan alam sekitar.

Katanya, bagi meningkatkan amalan pensijilan mampan, Malaysia telah membangunkan standard kualiti Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) bagi memastikan pensijilan itu meliputi semua sektor termasuk pekebun kecil.

Delegasi berkenaan diberi taklimat mengenai pelaksanaan MSPO dan kajian dalam bidang pemakanan yang dijalankan oleh MPOB dan penyelidik luar negara yang membuktikan minyak sawit berkhasiat dan baik untuk kesihatan.

Datuk Dr Choo Yuen May,
Ketua Pengarah MPOB

Pertemuan ini memberi peluang kepada MPOB untuk menerangkan mengenai aspek kemampuan industri sawit Malaysia dan penemuan hasil penyelidikan khususnya kebaikan dan keistimewaan minyak sawit dalam kegunaan makanan"

RAC bincang program R&D MPOB di PORTSIM

Oleh Yoong Jun Hao
jhyoong@mpob.gov.my

Shanghai: Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May mempengerusikan mesyuarat Research Advisory Committee (RAC) bagi Palm Oil Research and Technical Services Institute of MPOB (PORTSIM) pada 17 September 2014 semasa lawatan beliau ke Shanghai, China sempena misi promosi kelapa sawit, getah dan kayu-kayuan yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ke negara China, baru-baru ini.

RAC yang diadakan setiap tahun adalah mekanisme

PORTSIM untuk memastikan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan oleh MPOB di negara China mempunyai hala tuju dan strategi yang berteepatan bagi mengukuhkan kedudukan minyak sawit Malaysia di pasaran di negara itu.

Sehingga hari ini, terdapat 22 projek R&D berjaya disiapkan dengan usahasama di antara PORTSIM, institusi dan industri tempatan. Sebahagiannya, terdapat 11 produk sawit berjaya dikomersialkan di negara China.

Tingkat daya saing minyak sawit

Program RAC ini bukan sahaja dapat membuka pasaran baru bagi minyak sawit di negara Chi-



Datuk Dr. Choo Yuen May mempengerusikan RAC di PORTSIM. Turut kelihatan, Datuk Er Kok Leong, (dua dari kanan).

na, malah ia juga meningkatkan daya saing minyak sawit Malaysia sebagai bahan mentah terbaik di industri makanan China.

Turut serta dalam mesyuarat RAC ialah pakar lemak dan minyak, Dato' Er Kok Leong, pakar dari Shanghai University, Prof. Weng Xinchu, Tim-

balan Pengarah Shanghai Grain Science Research Institute, Dr. Cao Wenming, Pengarah Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian dan pegawai-pegawai daripada MPOB dan saintis daripada PORTSIM.



Kombinasi Zeolite - MOP tingkat hasil BTS sawit tanah gambut

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Sibu: Pekebun sawit disaran menggunakan kombinasi mineral zeolite dan baja muriate of potash (MOP) bagi meningkatkan prestasi pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) sawit di tanah gambut.

Penggunaan baja MOP pada kadar 3.5 kg/pk/thn dengan kombinasi mineral zeolite pada kadar 3 kg/pk/thn adalah teknik baru yang berkesan dan berupaya menghasilkan 26.9 t/ha/thn BTS atau peningkatan sebanyak 12 peratus berbanding 24.1 t/ha/thn hasil BTS dengan menggunakan 5 kg/pk/thn (MOP) dan tanpa penggunaan zeolite yang di amalkan pada masa kini.

Pegawai Penyelidik Kanan MPOB, Hasnol Othman (**gambar**) berkata, penemuan inovasi baru itu adalah hasil dari kajian dan penyelidikan yang dilakukan selama enam tahun di ladang sawit tanah gambut Stesen Penyelidikan MPOB Teluk Intan, Perak.

"Zeolite adalah mineral semula jadi yang terhasil daripada proses endapan letusan gunung berapi dan digunakan sebagai bahan campuran baja bertujuan meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien oleh tanaman," katanya semasa membentangkan kertas kerja bertajuk 'Amalan Pengurusan Terbaik Penanaman Sawit di Tanah Gambut: Penggunaan Zeolite sebagai Pembaik Pulih Tanah' pada Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, tanah gambut yang bersifat rendah kandungan nutrien potassium (K) dan masalah kecekapan larut resap yang terhad menyebabkan keperluan pembajaan K (MOP) bagi tanaman sawit adalah tinggi iaitu sebanyak 5 kg/pk/thn.

"Hasil kajian mendapati penggunaan zeolite terbukti berkesan sebagai bahan pembaik pulih tanah dan berupaya meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien K oleh pokok sawit dan sekali gus mengurangkan penggunaan baja MOP kepada 3.5 kg/pk/thn berbanding 5 kg/pk/thn," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengesyorkan penanam sawit mengamalkan kombinasi penggunaan zeolite pada kadar 3 kg/pk/thn dan baja MOP pada kadar 3.5 kg/pk/thn untuk mencapai penghasilan BTS yang tinggi.

Hasil kajian juga mendapati kos pengeluaran BTS menggunakan kombinasi ini adalah rendah iaitu RM 160 /tan berbanding RM 173/tan penggunaan 5 kg/pk/thn baja MOP tanpa rawatan zeolite.

Hasnol berkata, pengeluaran BTS pada kadar 30 t/ha/thn berupaya dicapai melalui penggunaan rawatan zeolite dan pada masa yang sama amalan pertanian baik turut dilaksanakan ke atas tanaman sawit di tanah gambut.

Di Malaysia, keluasan tanah gambut dianggar melebihi 2.6 juta hektar, meliputi 8 peratus dari keluasan tanah seluruh negara dan dianggarkan 600,000 ha daripadanya telah dimajukan dengan tanaman sawit terutama di Sarawak.

Jentera penyuntik kawalan penyakit reput pangkal batang pokok sawit

Oleh Mohd Ikmal Hafizi, Abdul Razak Jelani, Abd Rahim Shuib, Aminulrashid Mohamed, Muhamad Fauzi Ismail, Mohd Rizal Ahmad dan Dr Idris Abu Seman

Penyakit Reput Pangkal Batang

Penyakit RPB adalah penyakit serius yang serius di Malaysia disebabkan oleh kulat *Ganoderma boninense*. Penyakit ini menyerang pokok sawit muda atau matang dan mengancam pokok sawit di kawasan tanam semula. Perhatian serius perlu diberikan untuk mencegah penyakit ini daripada merebak ke kawasan penanaman

Kulat *Ganoderma Boninense*

Berdasarkan kajian di sektor estet pada tahun 2009 - 2010, kira-kira 3.71% kawasan (59,148 ha daripada 1,594,286 ha) diserang penyakit ini. Manakala bagi pekebun kecil, kajian yang dijalankan di kawasan tanaman sawit lebih dari 25 tahun pada tahun 2011 - 2013, mendapati 8.05% (2,744.96 hektar daripada 34,067.88 ha) telah dijangkiti penyakit RPB. Kadar jangkitan ini amat membimbangkan.

MPOB dengan kerjasama beberapa syarikat swasta mempergiatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mencari penawar atau sekurang-kurangnya mengawal jangkitan penyakit ini daripada tersebar. Salah satu kaedah dihasilkan ialah menyuntik racun kulat ke dalam batang sawit yang diserang penyakit ini. Suntikan racun kulat ini dijangka dapat mengawal sebaran kulat ini daripada tersebar ke tisu-tisu lain di dalam batang pokok itu.



Kulat *Ganoderma Boninense*.



Jentera penyuntik batang sawit.

Jentera Penyuntik Batang Sawit

MPOB memperkenalkan jentera penyuntik yang dapat melakukan suntikan dengan lebih cepat dan berkesan dipanggil 'Jentera Penyuntik Batang Sawit'. Ia terdiri daripada mata gerudi yang dipacu menggunakan kuasa hidraulik untuk menggerudi batang sawit dan nozel penyuntik yang juga dikawal menggunakan kuasa hidraulik.

Kedua-dua komponen utama ini dipasang di atas sebuah platform yang diletak di bahagian hadapan traktor. Seluruh operasi penggerudian dan suntikan racun kulat dikawal dari tempat duduk pemandu. Pergerakan peralatan itu dilakukan dengan gabungan sistem mekanikal dan hidraulik yang memerlukan kawalan pada satu operator.

Ujian Ladang

Jentera ini diuji di sebuah ladang seluas 100 hektar ditanam sawit pada tahun 2002 yang telah mula dijangkiti *Ganoderma*. Dalam percubaan ini, 90 ml hexaconazole dicampurkan ke dalam 10 liter air berdasarkan pengesyoran oleh Unit Ganodrop MPOB. Tekanan suntikan telah ditetapkan pada kadar 20 bar untuk memastikan sebaran yang lebih luas di dalam batang pokok sawit.

Ujian yang dijalankan mendapati jentera penyuntik ini mampu menyuntik selama 2.5 minit sepokok sawit atau 24 pokok sejam atau 120 - 150 pokok sehari (4 - 5 jam kerja sehari). Jumlah masa yang direkodkan ini adalah termasuk menggerudi lubang, menetapkan kedudukan penyuntik ke dalam lubang ditebuk dan menyuntik bahan kimia ke dalam batang sawit serta persediaan jentera bergerak ke pokok sawit lain. Keupayaan ini adalah lapan kali ganda lebih pantas dibandingkan dengan kaedah konvensional yang memerlukan masa selama 20 minit sepokok iaitu sebanyak 3 pokok sejam.

Jentera penyuntik beroperasi di ladang

Jentera ini mudah dikendalikan di mana

penggunaannya dapat membantu pekerja mengurangkan keletihan kerana tidak perlu lagi memikul tangki air jika menggunakan kaedah konvensional. Rekabentuk dan teknologi baru ini dapat mengurangkan bilangan pekerja dengan ketara dengan kos operasi yang munasabah iaitu kira-kira RM1.40 sepokok.

Nilai Komersial

Jentera penyuntik ini mempunyai potensi untuk dikomersialkan kerana penyakit kulat *Ganoderma* merupakan satu ancaman pada industri sawit negara pada masa kini. Sekiranya tidak dikawal secara teratur, industri sawit dijangka mengalami kerugian besar.

Penggunaan jentera ini juga dijangka dapat membantu industri sawit mengurangkan kadar kematian pokok sawit dan seterusnya mengekalkan hasil dan pendapatan.



Jentera penyuntik beroperasi di ladang.

Sekiranya hasil se hektar adalah 20 tan/tahun, dianggarkan sebanyak 4 juta tan BTS setahun akan dihasilkan oleh kawasan terbabit. Jika hayat pokok sawit dapat dipanjangkan kepada lima tahun, dianggarkan sebanyak 20 juta tan BTS akan dihasilkan dalam tempoh lima tahun. Jika harga purata sawit ialah RM400 se tan, maka jumlah pulangan (crop recovery) dianggarkan sebanyak RM8 bilion dalam tempoh lima tahun itu.

Pengiktirafan

Jentera penyuntik ini berjaya memenangi pingat emas di International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) ke 25 yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre pada Mei 2014. Jentera ini juga diperkenalkan bagi tujuan komersial pada Seminar Perpindahan Teknologi (Transfer of Technology - TOT) yang diadakan di MPOB pada Jun 2014.



Pelepah sawit yang dipotong kecil untuk proses penyedia baja bio-kompos.

Penghasilan baja bio guna pelepah sawit, enapcemar anaerobik sisa kilang sawit (POME)

Setiap tahun, sebanyak 40 juta tan biojisim sawit seperti tandan kosong sawit, pelepah sawit dan batang sawit terhasil yang menimbulkan keimbangan disebabkan impak yang signifikan terhadap isu alam sekitar apabila bahan karbon berlebihan.

Menurut amalan biasa, kaedah konvensional melupuskan pelepah sawit untuk tujuan tanam semula adalah dengan teknik pembakaran sifar yang akan mengurangkan masalah pencemaran udara. Proses kompos telah dipertimbangkan sebagai salah satu kaedah alternatif untuk menukar sisa organik kepada produk berfaedah yang berguna untuk pertumbuhan tanaman dan pembaikpulihan tanah.

Sehubungan itu, kajian dijalankan untuk mengkaji perubahan fisiko-kimia dan komuniti mikro semasa proses kompos pelepah sawit dan enapcemar anaerobik sisa kilang sawit (POME). Kajian dijalankan pada skala rintis dengan kapasiti 1 tan pelepah sawit dengan menggunakan blok simen bersaiz 1 m (L) x 1 m (P) x 1 m (T).



Baja bio kompos yang terhasil.

Pelepah sawit yang menjadi kepingan kecil dicampur dengan enapcemar anaerobik sisa kilang sawit pada nisbah 1:1. Campuran ini digaul setiap tiga hari untuk membekalkan oksigen kepada mikroba di dalam timbunan kompos itu. Enapcemar POME ditambah ke dalam timbunan berdasarkan kelembapan kompos itu. Biasanya, ia ditambah setiap tiga hari. Proses kompos ini dibiarkan berlaku selama 60 hari sehingga campuran kompos matang dan hancur secara sekata.



Perubahan fizikal kompos menggunakan pelepah sawit dan enapcemar anaerobik sisa kilang sawit (POME).

Hasil ujikaji mendapati proses kompos pelepah sawit dan enapcemar anaerobik sisa kilang sawit (POME) dijalankan sepenuhnya selama 60 hari dengan purata nisbah karbon : nitrogen pada paras 20. Proses kompos pelepah sawit mencatatkan suhu termofilik pada 52°C dan bertahan selama 7 hari sahaja. Paras oksigen dan kandungan lembapan yang dicatat untuk proses kompos pelepah sawit ialah 60-70% dan 55-60%.

Bacaan pH yang direkod untuk proses kompos ialah pada tahap alkali, iaitu 7-8. Jumlah kiraan bakteria yang dicerap untuk proses kompos pelepah sawit ialah 13x10¹⁰ cfu/g pada hari permulaan dan menurun kepada 0.5x10¹⁰ cfu/g pada 60 hari proses kompos. Nisbah karbon:nitrogen yang dicatat untuk proses kompos pelepah sawit ialah 80 pada 0 hari dan menurun kepada 20 pada 60 hari proses kompos.

Produk akhir kompos mengandungi jumlah nutrien dan elemen surihan yang berpatutan. Kandungan logam berat seperti kromium, kadmium, plumbum dan nikel di dalam produk akhir kompos adalah rendah, iaitu < 20 mg/kg.

Kepelbagaian komuniti mikroba yang diselidik menggunakan kaedah 'polymerase chain reaction-denaturing gradient gel electrophoresis' (PCR-DGGE) menunjukkan bahawa spesies mikroba yang terbanyak dihasilkan sepanjang 60 hari proses kompos ialah *Pseudomonas* sp.

PLASMA lahir warga belia berkemahiran

» Pelatih tamat
kursus KOML
bina kerjaya
cerah sektor
perladangan

Oleh Siti Balqis Jaifar
dan Mohd Solah Deraman
balqis@mpob.gov.my/
solah@mpob.gov.my

Secara umum, sektor perusahaan perladangan dan komoditi di Malaysia sehingga kini masih lagi berintensifkan buruh terutama kepada tenaga buruh asing. Ini berdasarkan statistik pada tahun 2014 yang mana terdapat lebih 500,000 guna tenaga di sektor perladangan sawit dan daripada jumlah keseluruhan itu, lebih dua pertiga daripadanya adalah tenaga kerja asing.

Ini menunjukkan di negara kita, jika tiada tenaga kerja asing, kemungkinan industri perladangan sawit negara akan lumpuh. Bagi mengelakkan perkara itu berlaku, penyelesaian jangka panjang perlu dicari.

Satu kaedah adalah penggunaan mekanisasi atau jentera secara menyeluruh. Seperti sedia maklum, mekanisasi tidak akan berjaya jika dikendalikan oleh yang tidak berkemahiran.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) mengambil inisiatif menawarkan kursus kemahiran iaitu Kursus

Operasi Mekasisasi Ladang (KOML) kepada warga belia tempatan dalam pengendalian peralatan mekanisasi disamping tugas utamanya sebagai badan penyelidikan sawit negara.

Peluang kerjaya cerah

Pelatih yang menamatkan Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) berpeluang membina kerjaya dalam bidang mekanisasi perladangan serta menceburi bidang keusahawanan seperti peraih buah sawit, mengendali tapak semaian sawit, pengendalian bengkel, kontraktor ladang dan sebagainya.

Antara pelatih lepasan PLASMA yang berjaya adalah Mohd Hattar Saad. Beliau adalah graduan PLASMA yang memiliki Sijil Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 yang berasal dari Taiping, Perak. Berkelulusan Sijil SPM, mengikuti latihan di PLASMA pada sesi Mac 2012.

Beliau kini berusia 26 tahun dan menggalas tugas untuk menyara kedua ibu bapa dan dua adik yang masih bersekolah.

Setelah tamat KOML Tahap 1, beliau bertugas di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd sebagai operator jentera dengan gaji sebanyak RM700 sebulan.

Beliau seterusnya ditukarkan ke Ladang Kempas dan kemudiannya ke Ladang Merlimau, Melaka.

Usaha ladang sawit keluarga

Setelah berkhidmat selama enam bulan bersama Sime Darby Plantation Sdn Bhd, beliau mengam-



Mohd Hattar menerima sijil daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Mohamad Sanuri Shahid, pada Majlis Penyampaian Sijil Sesi Mac 2012.

“**PLASMA terbukti dapat ubah masa depan saya untuk menimba ilmu dan kemahiran, berpengetahuan bina kerjaya serta perniagaan dalam sektor perladangan**”

Mohd Hattar Saad,
Pelatih lepasan PLASMA

bil keputusan berhenti bagi mengusahakan ladang sawit milik keluarga seluas 4 hektar.

Dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi semasa mengikuti latihan di PLASMA dan berkhidmat di Sime Darby Plantation, beliau memanfaatkan untuk penyelenggaraan aktiviti di ladang seperti memotong buah, mengangkut, membaja dan meracun dengan sempurna.

Peroleh RM4,000 sebulan

Beliau berjaya mengusahakan ladang milik sendiri dengan memperoleh pendapatan RM4,000 sebulan. Beliau kemudian mengambil inisiatif mengambil upah kerja penuaian kebun milik pekebun kecil. Hasil ketekunan dan kesabaran, kini beliau mempunyai enam pekerja yang menjalankan kerja ladang dan pengangkutan buah sawit ke kilang.

Mohd Hattar melakukan sendiri kerja-kerja memungkah BTS untuk dihantar ke kilang sawit.

Hasil pendapatan bekerja sendiri, kini beliau mampu membeli jentera dan kenderaan untuk kegunaan sendiri dan mengambil upah penyelenggaraan kebun milik pekebun kecil.

Semangat beliau perlu menjadi contoh bukan sahaja kepada graduan PLASMA yang lain tetapi menjadi pembakar semangat kepada belia-belia tempatan.

Beliau mempunyai semangat juang yang tinggi untuk berjaya dalam bidang yang diceburi dan kini dalam perancangan bagi membuka sebuah tapak semaian

sawit pada hujung 2015. Beliau juga berazam menambah bilangan jentera bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pekebun kecil setempat dan pendapatan.

Kejayaan wajar jadi contoh

Kejayaan beliau wajar menjadi contoh terutama kepada golongan belia agar untuk berkecimpung dalam sektor perladangan dan menangkis tanggapan negatif terhadap sektor perladangan dan bidang pertanian. Ini kerana sektor perladangan sawit mampu memberikan pulangan pendapatan lumayan.

Harapan beliau agar belia tempatan menyertai kursus yang ditawarkan oleh MPOB untuk menimba pengetahuan dan pengalaman terutama dalam bidang kejenteraan ladang.

PLASMA terbukti dapat mengubah masa depan beliau untuk menimba ilmu dan kemahiran, berpengetahuan membina kerjaya dan perniagaan dalam sektor perladangan.

Bagi meningkatkan pengetahuan, beliau menyimpan impian untuk terus menyambung kursus di PLASMA ke tahap yang lebih tinggi supaya dapat meningkatkan kemahiran dengan harapan menjadi usahawan yang berjaya disamping menambah keluasan ladang sawit beliau.

Beliau percaya di mana ada kemahuan, di situ ada jalan dan akan terus memandangi ke depan dan kekal fokus dalam perniagaan yang diusahakan.

Kisah kejayaan Mohd Hattar adalah antara kejayaan pelatih PLASMA yang berjaya mengubah kehidupan dengan menceburi bidang keusahawanan di sektor perladangan sawit.

Ramai graduan PLASMA yang berjaya membina kerjaya di sektor perladangan yang berkhidmat dengan syarikat perladangan sebagai penyelia ladang, penolong pengurus dan berpeluang untuk meningkat ke tahap yang lebih tinggi.



Pekerja Mohd Hattar sedang menyusun BTS sebelum dihantar ke kilang sawit.



Antara kenderaan Mohd Hattar yang digunakan untuk aktiviti mengangkut BTS sebelum dihantar ke kilang.

Minyak sawit bahan mentah terbaik

» Semakin penting dalam industri lemak dunia



Datuk Dr Choo Yuen May ketika mempengerusikan sesi interaksi bersama peserta Program Suaikenal Minyak Sawit. Turut serta Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Teknikal MPOB, Rosidah Radzian.

Oleh Juanita Lourdes
juanita@mpob.gov.my

■ Kuala Lumpur

Seramai 37 peserta daripada 20 negara menghadiri Program Suaikenal Minyak Sawit Malaysia kali ke-34 yang bertempat di Le Me-

ridien Hotel, Kuala Lumpur bermula pada 7 hingga 13 September 2014.

Program ini yang juga dikenali sebagai Palm Oil Familiarization Programme (POFP) yang juga program tahunan anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) di ba-

wah Kementerian Luar Negeri.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May berkata, minyak sawit dan minyak isirung sawit memainkan peranan yang semakin penting dalam industri minyak dan lemak dunia. Malaysia dan Indonesia dijangka akan terus kekal sebagai negara pengeluar minyak sawit dominan pada tahun akan datang.

Laksana sistem MSPO

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah berkaitan topik yang merangkumi peranan minyak sawit dalam pasaran minyak dan lemak peringkat global, di akhir program berkenaan.

Selain itu, katanya, Malaysia melaksanakan sistem pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi memastikan industri sawit negara dapat menjana pendapatan yang tinggi dan mesra alam.

"MSPO telah diluluskan dan diumumkan sebagai Standard

Malaysia pada November 2013 oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia. MSPO merangkumi keperluan khusus untuk pekebun kecil, perladangan sawit, pekebun kecil berkelompok dan kilang minyak sawit," katanya.

Beliau berkata, secara umum, MSPO adalah tafsiran kebangsaan Rundingan Meja Bulat tentang Kemapanan Minyak Sawit (RSPO) dan mempunyai semua kriteria yang dinyatakan dalam RSPO, termasuk ketelusan, garis panduan penanaman baru dan komitmen Malaysia ke arah penambahbaikan yang berterusan.

Basmi kemiskinan

"Selain perlindungan alam sekitar, MSPO juga memastikan bahawa industri sawit boleh membantu membasmi kemiskinan di negara ini dengan menyediakan peluang pekerjaan dan faedah sosial yang lain.

Beliau mengakhiri ceramah dengan menekankan bahawa minyak sawit menawarkan pilihan yang praktikal untuk pengimport kerana mempunyai kepelbagaian dan variasi untuk memenuhi pelbagai aplikasi dalam produk makanan dan bukan makanan.

"Di samping itu, harga minyak sawit yang kompetitif dan bekalan yang berterusan sepanjang tahun menjadikannya pilihan terbaik sebagai bahan mentah," katanya.



Dr. Ahmad Kushairi Din ketika menyampaikan ceramah sempena Seminar Inovasi Sektor Awam 2014 anjuran INTAN.

Inovasi asas kecemerlangan MPOB

Oleh Mohd Saufi Awang
sauafi@mpob.gov.my
Mohammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: MPOB menghasilkan 563 teknologi berkaitan industri sawit dengan 166 teknologi atau 30 peratus berjaya dikomersialkan dan diterima pakai oleh pihak industri atau usahawan tempatan.

Kejayaan MPOB dalam membangunkan teknologi dan inovasi yang memberi impak kepada industri sawit negara adalah kerana adanya ekosistem pembudayaan inovasi yang dilaksanakan di MPOB.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din, berkata proses penyelidikan yang dijalankan oleh MPOB adalah berdasarkan keperluan dan penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri seterusnya ditawarkan untuk pengkomersialan.

Beliau berkata, pembentukan sinergi antara MPOB dan industri membolehkan perkongsian pengalaman, kepakaran dan sumber dalam membangunkan teknologi dan inovasi ke arah pengkomersialan teknologi yang memberi impak kepada industri sawit.

Peluang perniagaan

"Perkongsian pengalaman dan kepakaran MPOB dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dan usaha sama dengan pihak industri dan usahawan membolehkan pembangunan inovasi, peluang perniagaan melalui pengkomersialan teknologi untuk kesejahteraan industri sawit negara," katanya ketika pembentukan kertas kerja bertajuk 'Pengaruh Empat Pembolehubah Ekosistem Inovasi sektor Awam Terhadap Pembudayaan Inovasi di MPOB - Kajian Kes Inovasi' pada Seminar Inovasi Sektor Awam 2014 di Intan Bukit Kiara.

Seminar anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA) dirasmikan oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dr Ahmad Kushairi berkata, empat pembolehubah ekosistem inovasi ialah pemimpin, warga organisasi, proses dan persekitaran serta garis panduan sebagai asas yang mempunyai kaitan antara satu sama lain bagi pembangunan teknologi, cetusan idea menuju ke arah memacu inovasi di MPOB.

24 sertai kursus pembuatan marjerin

Oleh Dr Karimah Ahmad
karimah@mpob.gov.my

Bangi: Sejumlah 24 peserta dalam dan luar negara mengikuti Kursus Pembuatan Marjerin anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Kursus berkenaan adalah yang keenam dianjurkan sejak pertama kali diadakan pada tahun 2008 serta mendapat sambutan memberangsangkan daripada syarikat pengeluar marjerin terkemuka dunia.

Antara syarikat yang turut serta adalah Syarikat Bunge dari cawangannya di Amerika Syarikat dan China; Charginills China dan Malaysia; 3F Industries dan Sheel Shan Agro Oils dari India; Wilmar cawangan Vietnam, Malaysia dan China; Sime Darby Malaysia; Tanjung Karang Kilang Minyak; East Asia Sarawak dan peserta dari Institut Penyelidikan Minyak Sawit dan Khidmat Teknikal MPOB (PORTSIM) di Shanghai China.

Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat

Nasihat MPOB, Rosidah Radzian ketika berucap merasmikan kursus berkenaan berkata kursus berkenaan bertujuan memberi tunjuk ajar dan penerangan mengenai sifat semulajadi minyak sawit yang versatil dalam pembuatan produk seperti marjerin dan vanaspati.

"Ini sekaligus akan meningkatkan penggunaan minyak sawit Malaysia bagi pengeluaran produk itu. Di samping memberi tunjuk ajar secara teori, peserta turut didedahkan kepada kaedah amali di loji rintis," katanya.

Beliau berkata, kursus empat hari itu akan dapat menerapkan kefahaman kaedah penggunaan minyak sawit dalam pembuatan marjerin dan lemak tanpa melalui proses penghidrogenan.

"Peserta berpeluang meningkatkan kemahiran membuat formulasi menggunakan hasil minyak sawit dan menghasilkan di kilang loji rintis MPOB," katanya.

Menurutnya, kursus seumpama itu yang diadakan beberapa tahun lalu meyakinkan beberapa pengeluar marjerin di Turki, Iran dan Yaman untuk



Amali pembuatan pastrri menggunakan marjerin berasaskan sawit di loji rintis marjerin MPOB.

menghasilkan marjerin tanpa penghidrogenan dari sawit.

"Ini adalah kaedah menghasilkan marjerin yang sihat, kerana tidak mengandungi lemak trans sekaligus meningkatkan pasaran minyak sawit di negara-negara itu," ujar beliau.

Pembuatan berbeza

Sementara itu, Ketua Unit Protein dan Teknologi Makanan, Bahagian Pembangunan Pro-

duk dan Khidmat Nasihat, Dr Miskandar Mat Sahri berkata, kaedah pembuatan yang diperkenalkan adalah berbeza daripada yang lazim dilakukan di beberapa negara pengeluar minyak kacang soya, jagung, canola dan bunga matahari kerana minyak-minyak tersebut terpaksa melalui proses penghidrogenan, yang kesannya ialah penghasilan lemak trans yang tidak baik untuk kesihatan."

Sabri terima anugerah PILA 2014

» Pengiktirafan tertinggi bagi individu dalam industri sawit

Mantan Pengerusi MPOB, Tan Sri Sabri Ahmad dipilih sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2014. Pemilihan itu berdasarkan pembabitannya dan sumbangan beliau kepada industri sawit Malaysia selama 28 tahun.

PILA mula diperkenalkan oleh MPOC pada tahun 2008 merupakan pengiktirafan tertinggi jasa individu di dalam industri sawit Malaysia dan sumbangan mereka yang berterusan kepada peningkatan industri ini.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sabri berpengalaman luas Semasa berucap pada majlis itu



Tan Sri Sabri Ahmad menerima anugerah PILA daripada Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas

Douglas berkata: "Sabri adalah seorang pemimpin yang unggul di mana inovasi dan idea beliau membawa kepada kebaikan industri minyak sawit dalam pelbagai cara."

Menyentuh pembabitannya Sabri dalam senario industri sawit Malaysia, ia bermula apabila beliau menyertai Harrison's Malaysia Plantations Berhad pada tahun 1985 sehingga tahun 1989, di mana beliau memegang pelbagai jawatan dalam syarikat itu.

Beliau menyertai Kumpulan Golden Hope pada tahun 1985 sebagai Pengerusi Pemasaran dan Penyelidikan serta memegang pelbagai jawatan dalam Golden Hope Plantations Berhad.

Beliau adalah Pengarah Pemasaran dari tahun 1990 hingga tahun 1992; Pengarah Kumpulan Operasi Luar Negeri / Pemasaran pada tahun 1993 hingga tahun 1999; Pengarah Kumpulan Perniagaan Agro bagi tahun 1999 hingga tahun 2002 dan Pengarah Kumpulan Perusahaan dari tahun 2002 hing-

ga tahun 2003. Beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah pada tahun 2004 dan berkhidmat sehingga 2007.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Golden Hope Plantations Berhad, beliau mengetuai syarikat itu ke era baharu.

Di bawah pimpinan beliau, Golden Hope Plantations menerima pelbagai anugerah, termasuk Anugerah Antarabangsa Forbes termasuk *Best Under A Billion Dollar Company in Asia Pacific* dan Anugerah Majikan Prihatin (syarikat korporat) oleh Kementerian Sumber Manusia.


Sumbangan beliau kepada industri minyak sawit diteruskan di sektor awam apabila dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia pada tahun 2007 hingga tahun 2010.

Pembabitannya Sabri dalam industri ini selama 28 tahun menjadikan beliau antara penyumbang utama kepada pembangunan penyelidikan ekonomi dan sains.

Pencapaian beliau selama ini membuktikan keupayaannya sebagai pemimpin dan mentor.

"Sabri sudah membimbing ramai individu berbakat sebagai pe-

Piala PILA : Mula diperkenalkan oleh MPOC pada tahun 2008, PILA merupakan pengiktirafan tertinggi jasa individu dalam industri sawit Malaysia dan sumbangan mereka yang berterusan kepada peningkatan industri ini.



lapis yang kini berupaya membentuk pertumbuhan mampan industri sawit Malaysia," kata Douglas.

Kemuncak kerjaya beliau dalam industri sawit Malaysia ialah semasa beliau dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holding Bhd. Di bawah kepimpinan beliau, Felda Global Ventures Holding Bhd (FGVHB) berjaya disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada tahun 2012. Ia adalah penyenaaran saham terbitan awam kedua terbesar di dunia selepas Facebook, satu pencapaian yang sukar ditandingi.

Mielke terima Anugerah LEAP 2014

Sementara itu, Anugerah KeceMERLANGAN Sepanjang Hayat, Industri Minyak Sawit (LEAP) pula diwujudkan untuk mengiktiraf individu yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan industri minyak sawit. Anugerah ini juga disampaikan oleh Douglas di majlis sama.

Thomas Mielke adalah Pengarah Eksekutif ISTA Mielke GmbH, Oil World, sebuah organisasi penyelidikan terkemuka dari Hamburg, Jerman yang menyediakan analisa bekalan global, permintaan dan harga serta perangkaan untuk minyak dan lemak sayuran, lemak haiwan, bijirin, biodiesel serta produk lain.

Kerjaya beliau dengan Oil World bermula pada pertengahan tahun 1970-an, selepas menamatkan pengajian dalam bidang ekonomi dengan pengkhususan penyelidikan pasaran bijirin dan produk dari Universiti Hamburg.

Beliau merupakan seorang penganalisa pakar komoditi global dan penyelidik pasaran minyak, lemak dan bijirin.

Oil World diedarkan kepada pembaca di 100 negara dan diiktiraf di seluruh dunia sebagai pembekal utama maklumat pasaran berkaitan minyak, lemak serta bijirin.

Mielke juga salah seorang ahli Jawatankuasa Penasihat Program Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sejak 16 tahun lalu.

KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia.
Kesejahteraan, Kesihatan dan Kemakmuran



Thomas Mielke menerima anugerah 'Lifetime Excellence Award, Palm Oil Industry (LEAP)' daripada Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Turut kelihatan, Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron (kiri).



Pekebun kecil disaran amalkan sistem pertanian baik untuk tingkatkan hasil BTS

Pada masa ini penghasilan produktiviti buah tandan segar (BTS) yang tinggi, semakin menjadi fenomena dan berleluasa di Malaysia. Ia memberi impak yang besar kepada sektor pekebun kecil sawit.

Walau bagaimanapun, dengan mengamalkan pertanian baik dan penggunaan teknologi baru penanaman sawit yang dibangunkan melalui penyelidikan MPOB sektor pekebun kecil juga berupaya untuk mencapai produktiviti BTS.

MPOB menghasilkan teknologi baru meliputi semua aspek termasuk integrasi tanaman dan ternakan di ladang sawit, teknik kawalan penyakit reput pangkal batang, kawalan penyakit Ganoderma dan teknologi tanaman sawit di tanah gambut. Hal ini demikian, dapat membantu pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Pihak Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan intensif. Antaranya ialah Skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), Skim Diskaun CANTAS dan Kelompok Minyak Sawit Mampan (Sustainable Palm Oil Cluster) juga untuk kemudahan pekebun kecil.

Dalam hal ini, MPOB juga telah mencipta mesin penuai buah sawit bermotor yang dikenali CAN-

TAS yang berupaya meningkatkan kecekapan penuaian buah tandan segar yang tinggi hampir dua kali ganda.

Hasil kajian MPOB mendapati dengan menggunakan CANTAS, seorang pekerja boleh menuai sehingga 3.2 tan buah tandan segar berbanding 1.8 tan tandan secara manual. MPOB telah melakukan penambahbaikan supaya ianya lebih ringan, tahan lama dan boleh mencapai ketinggian pokok sehingga 8 meter.

Selain itu, kajian MPOB mendapati bahawa pekebun kecil yang menyertai koperasi berupaya mendapat bayaran harga buah tandan segar lebih tinggi antara 15 hingga 20 peratus berbanding harga jualan kepada peniaga persendirian.

Pihak Kerajaan meluluskan skim pensijilan minyak sawit Malaysia pada awal tahun 2014.

Langkah ini bertujuan untuk membolehkan Malaysia meningkatkan imej minyak sawit dari sudut kemampanan pengeluaran di pasaran dunia.

Adalah penting komoditi ini dihasilkan melalui amalan-pertanian mampan bagi memastikan produk yang dihasilkan selamat untuk dimakan dan pada masa yang sama ianya menangani isu keselamatan makanan yang dihadapi oleh pengguna.

Minyak sawit terus menjadi sumber utama minyak dan lemak di pasaran dunia dan me-

ainkan peranan penting sebagai komoditi utama menghasilkan produk makanan dan bukan makanan. Pada 2013, minyak sawit menyumbang 30 peratus daripada jumlah penggunaan minyak dan lemak dunia berbanding minyak soya dan minyak sesawi yang masing-masing menyumbang sebanyak 23 peratus dan 13 peratus.

Industri minyak sawit Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menambah baik penanaman dan pengeluaran minyak sawit.

Ini juga terbukti melalui beberapa tindakan lain seperti pelaksanaan pelbagai mandat Kerajaan Malaysia berkaitan pemuliharaan hutan, kawalan pencemaran, pembuangan efluen kilang dan sebagainya.

Tuntasnya, MPOB sentiasa bersedia dan komited untuk mendengar serta berbincang isu-isu berkaitan industri sawit bagi memastikan industri komoditi ini berkembang maju dan berdaya saing.

Pengilang perlu bersama Kerajaan komited bagi memastikan kadar perahan minyak sawit (OER) negara ditingkatkan dan sekali gus meningkatkan pengeluaran minyak sawit negara bagi memenuhi permintaan pasaran sama ada dari dalam atau luar negara.

Melalui peningkatan OER, harga bayaran BTS kepada penanam terutama pekebun kecil sawit dapat dibayar dengan harga yang tinggi dan secara langsung membantu meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi kehidupan mereka dan negara ini.

INFO

PEMENANG PERTAMA

- Nurul Zawani Mohd Noor
- No K/P: 970816-05-5408
- SM Agama Rembau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan

Peraduan mengarang esei Berita Sawit Oktober 2014

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:
Tajuk: "Minyak sawit Malaysia diterima di pasaran antarabangsa. Bincangkan".
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan November 2014 akan datang.

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah

pada 22 Oktober 2014
● Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan September 2014

Pemenang:

Hadiah Pertama
Nurul Zawani Mohd Noor
(No. K/P: 970816-05-5408)
SM Agama Rembau
71300 Rembau
Negeri Sembilan

Hadiah Kedua dan Ketiga
Tiada pemenang

KUIZ SAWIT siri 46

Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6.
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang yang disediakan.
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang. Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 22 Oktober 2014.
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 46)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

Soalan Kuiz Sawit Siri 46

- MPOB adalah sebuah institusi yang menjalankan peranan berikut:
 - Penyelidikan dan pembangunan industri getah
 - Penyelidikan, pembangunan, pelesenan dan perkhidmatan industri sawit
 - Penyelidikan dan pelesenan industri sawit
- MPOB mempunyai rangkaian pejabat serantau di negara berikut:
 - Jepun
 - Ghana
 - Amerika Syarikat
- Pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh MPOB kepada pihak industri, kecuali...
 - Penyediaan latihan dan kursus
 - SMS harga sawit
 - Penyediaan rumah rehat
- Khidmat Pegawai TUNAS disediakan khusus oleh MPOB untuk membantu golongan berikut:
 - Pengusaha ladang sawit
 - Pekebun kecil sawit
 - Pengilang sawit
- Bahan bakar berasaskan sawit boleh juga dihasilkan daripada tandan sawit kosong
 - Betul
 - Salah
- Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan
 - Betul
 - Salah
- Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu...
 - 10 tahun
 - 15 tahun
 - 25 tahun
- Pekebun kecil sawit digalakkan menyertai koperasi bagi menambah pendapatan melalui amalan sawit mampan. MPOB telah melancarkan koperasi khas bagi tujuan berkenaan yang dikenali sebagai...
 - Koperasi Pekebun Kecil Sawit
 - Koperasi Penanam Sawit Mampan
 - Koperasi Pekebun Sawit Mampan
- Tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dapat menjana tenaga elektrik
 - Betul
 - Salah
- Tokotrienol adalah salah satu bahan yang diperolehi daripada sawit
 - Betul
 - Salah

Borang Penyertaan Siri 46

Nama : _____
Tahap : _____
Alamat Sekolah : _____
Alamat Rumah : _____
No. Tel: _____

Nama pemenang Siri 45

- M. Luqman Hakim Hamzah**
Sek. Keb. Gong Bayor, Besut, Terengganu
- Nur Raudhatul Imane Mohd Rashid**
Sek. Keb. Taman Selasih, Batu Caves, Selangor
- Muhammad Nazhan Nazri**
Sek. Keb. Pusat Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu
- Muhammad Zakwan Noh**
Sek. Keb. Telok Berembang, Lubok China, Melaka
- Muhammad Aiman Abdul Motalib**
Sek. Keb. Sri Skudai, Skudai, Johor Bahru, Johor
- Ainul Widad Ismail**
Sek. Rendah Agama 2, Sungai Kantan, Kajang, Selangor
- Syalin Nurini Shahrul Izwain**
Sek. Keb. Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka
- Muhammad Yadiy Syahmi M. Yusaini**
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
- Muhammad Husaini Ramli**
Sek. Keb. LKTP Sungai Tekam Getah, Jerantut, Pahang
- Muhammad Salman Al-Faris Mohd Zam Zam**
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan menyaksikan pertukaran dokumen di antara Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh dengan Timbalan Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mustafar Ali pada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat MPIC.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersalaman dengan delegasi dari Lubok Antu, Sarawak yang melawat Ibu Pejabat MPOB di Bangi, baru-baru ini.



Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan sijil penghargaan kepada Ketua Pengarah MPOB, Datu' Dr Choo Yuen May sempena Anugerah Merdeka 2014 bagi Kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi. Turut kelihatan Timbalan Menteri MPIC, Dato' Noriah Kasnon dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Himmat Singh.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon melawat pameran yang diadakan sempena Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Operasi Mekanisasi Ladang (KOML) di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) MPOB Keratong. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (tiga dari kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kiri).



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah Kasnon bergambar bersama peserta Program Suaikenal Minyak Sawit anjuran MPOB yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (duduk empat dari kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (duduk empat dari kanan).



Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama delegasi dari Perancis yang terlibat sektor pengeluaran minyak sayuran sempena lawatan ke Ibu Pejabat MPOB, baru-baru ini. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din (hadapan tiga dari kanan).